

LAMPIRAN A

Course Fee Quotation / Information

Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik (*upload*) melalui Sistem eTRIS HRD Corp.:

- Surat Edaran PIKM Ke-19/2022: Surat Arahan Kementerian Dalam Negeri Mewajibkan Pengawal Keselamatan Menjalani Program Latihan CSG Tahun 2022.



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2022(19)

23 JUN 2022

SEMUA AHLI PIKM
(U/P: Pengarah Urusan)

“SEGERA & MUSTAHAK”

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-19/2022:
SURAT ARAHAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI MEWAJIBKAN
PENGAWAL KESELAMATAN UNTUK MENJALANI PROGRAM LATIHAN
CERTIFIED SECURITY GUARDS (CSG) PADA TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti sedia maklum, pelaksanaan Program Latihan Certified Security Guards (CSG), Certified Bodyguards (CBG) dan Trained Nepalese Guard (TNG) telah ditangguhkan susulan penularan wabak Covid-19 bermula Mac 2020.
3. Lanjutan itu, PIKM telah menerima surat arahan terkini daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), Rujukan: KDN. K. S. 700-3/1/18 (50) bertarikh 20 Jun 2022 yang **mewajibkan pengawal keselamatan untuk menjalani Program Latihan CSG bagi tahun 2022**. Sesalinan surat KDN dan **jadual latihan** bermula bulan Julai 2022 sehingga Disember 2022.
4. Bagi tujuan pembaharuan lesen Agensi Persendirian tahun 2023, syarikat diwajibkan memenuhi jumlah kuota latihan CSG seperti yang ditetapkan melalui surat KDN berkenaan, berdasarkan baki jumlah pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri Program Latihan CSG.
5. Ahli-ahli juga dimohon memberi perhatian bahawa yuran latihan CSG bagi seorang pengawal keselamatan di **semua Pusat Latihan adalah dikekalkan sebanyak RM540.60, KECUALI bagi Maktab PDRM Teknik Bakri Muar, Johor mempunyai kenaikan yuran oleh pihak PDRM sebanyak RM591.50** berikutan terdapat kenaikan caj makan bagi peserta latihan.

Presiden
DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF

Timbalan Presiden
MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN IMAN

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN
TUDM (B)
SALIZA ABDULLAH

Setiausaha Kehormat
DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ. AHMAD

Bendahari Kehormat
FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI MOHAMAD
FATMI

Pengolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Pengolong Bendahari
AINI SURAYA BT DATUK OSMAN

Ahli-ahli jawatankuasa
KAPTEN DATO' ISMAIL BIN ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR
DATUK HJ. ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BT DATO' IR. HJ. JOHARI
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ACP. ZAKARIA BIN ADAM (B)
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU
DATO' DR. YUNUS BIN RAHMAT

Juru Audit Dalaman
MOHD HODORI BIN SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR BIN HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Negeri Kelantan
HJ. AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI BIN MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ BIN HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MDROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
HJ. KHAIDZER BIN HJ. KEDAH

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
SHAHARUDDIN BINDATO' SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY


6. Di samping itu, PIKM memandang serius terhadap isu pembatalan latihan di beberapa siri latihan yang lepas disebabkan jumlah kehadiran peserta yang tidak mencapai jumlah minimum kapasiti yang ditetapkan oleh Pusat Latihan selain dari kegagalan syarikat menghantar peserta mengikut jumlah pendaftaran latihan di Portal e-PIKM.

7. Isu ini telah menimbulkan kesukaran kepada pihak Persatuan untuk mengeluarkan lebih perbelanjaan untuk menampung kos makanan dan kos penginapan yang telah disediakan bagi hari pertama kepada pusat latihan. Selain itu, isu pembatalan turut memberi kesan kepada syarikat yang telah mendaftar dan hadir untuk menjalani latihan.

8. Ahli juga disarankan untuk memastikan peserta hadir menjalani program latihan seperti yang didaftarkan bagi mengelakkan dikenakan **potongan yuran latihan sebanyak RM150.00** seperti yang dijelaskan melalui Surat Edaran PIKM Bil 22/2019 bertarikh 13 Disember 2019. Ahli juga perlu **sentiasa peka dengan sebarang pindaan jadual latihan yang akan dimaklumkan melalui Portal e-PIKM (www.e-pikm.my)** dari masa **kesemasa**.

Perhatian dan tindakan Ahli-ahli Persatuan berkaitan perkara di atas didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN

**KETUA SETIAUSAHA**

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 12, BLOK D1, KOMPLEKS D
BANGUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62456, PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 1758
Web : www.moha.gov.my

Rujukan : KDN. K. S. 700-3/1/18 (50)

Tarikh : 20 Jun 2022

YBhg. Dato' Sri Haji Ramli bin Haji Yusuff

Presiden

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)

No. 708, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre

Jalan SS 7/2, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Faks: 03-78038691

YBhg. Dato' Sri,

ARAHAN MEWAJIBKAN PENGAWAL KESELAMATAN UNTUK MENJALANI PROGRAM LATIHAN *CERTIFIED SECURITY GUARDS* (CSG) PADA TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang pihak YBhg. Dato' Sri sedia maklum, Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG), *Certified Bodyguards* (CBG) dan *Trained Nepalese Guard* (TNG) telah ditangguhkan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini. Berikutan daripada peralihan negara ke fasa endemik, Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhasrat untuk mengadakan semula latihan ini bermula Julai 2022 mengikut kekosongan Pusat-Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

3. Sehubungan dengan itu, semua syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 wajib memenuhi jumlah kuota pengawal keselamatan tempatan yang telah mengikut latihan CSG pada tahun 2022 sebelum layak untuk dipertimbangkan bagi pembaharuan lesen Agensi Persendirian pada tahun berikutnya. Kuota ini telah dikurangkan daripada 70% sebelum ini mengambil kira kapasiti pusat latihan dan kekangan tempoh pelaksanaan latihan CSG pada tahun 2022. Pihak syarikat hendaklah memenuhi kuota seperti berikut;

Baki jumlah pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri latihan CSG pada tahun 2022	Kuota Latihan CSG
Kurang daripada 100 pengawal	Minimum 30 orang
101 pengawal dan ke atas	Minimum 30%

4. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri, penetapan kuota ini adalah ke atas jumlah baki pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri program latihan CSG. Pengawal keselamatan yang telah menghadiri latihan CSG sebelum tahun 2022 tidak diambil kira dalam pengiraan kuota latihan CSG bagi tujuan pembaharuan lesen Agensi Persendirian untuk tahun akan datang.

5. Semua syarikat kawalan keselamatan adalah dinasihatkan untuk membuat perancangan awal bagi memastikan pengawal keselamatan menghadiri program latihan CSG berdasarkan kepada jadual siri latihan yang telah ditetapkan oleh KDN dan PDRM. PDRM telah menyediakan jumlah kapasiti latihan yang mencukupi dan tenaga pengajar yang terlatih bagi melaksanakan program latihan CSG di Pusat-Pusat Latihan Polis di seluruh negara. **Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa kos latihan bagi seorang pengawal keselamatan di semua Pusat Latihan Polis adalah kekal sebanyak RM50.00 sehari kecuali Maktab Teknik Bakri, Muar sebanyak RM58.00 sehari** menjadikan jumlah kos latihan setiap pelatih di semua Pusat Latihan Polis adalah RM300.00 manakala di Maktab Teknik Bakri, Muar adalah RM348.00.


6. Bersama-sama ini dikemukakan jadual latihan CSG untuk tahun 2022 bagi tempoh Julai sehingga Disember 2022 seperti di **LAMPIRAN A** bagi pihak YBhg. Dato' Sri membuat persediaan bagi pendaftaran latihan melalui Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM). Untuk sebarang maklumat lanjut, pihak YBhg. Dato' Sri boleh berhubung dengan Unit Agensi Persendirian, Bahagian Keselamatan, KDN di talian 03-88868034/8311/8321. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Dato' Sri berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)



s.k:

YBhg. Dato' TKSU (Keselamatan)
SUB (K)

CADANGAN JADUAL PROGRAM LATIHAN CERTIFIED SECURITY GUARDS

JULAI - DISEMBER 2022											
BULAN	TARIKH	SIRI	PUSAT LATIHAN	ZON	KAPASITI	JUMLAH					
						SIRI	BULAN				
JULAI	02 JUL - 07 JUL	SIRI 10	PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150	850	1,700				
	03 JUL - 08 JUL		PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	250						
			PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	150						
			PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150						
	04 JUL - 08 JUL		PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150						
	17 JUL - 22 JUL	SIRI 11	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	250						
			PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	150						
			PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150						
			PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150						
			PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150						
18 JUL - 22 JUL											
23 JUL - 28 JUL											
OGOS	31 JUL - 05 OGO	SIRI 12	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	250	1350	2,450				
	06 OGO - 11 OGO		PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150						
			PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	150						
			PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	250						
	07 OGO - 12 OGO		PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150						
			PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150						
	08 OGO - 12 OGO		PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	250						
	14 OGO - 19 OGO										
	20 OGO - 25 OGO	SIRI 13	PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150			1,100			
			21 OGO - 26 OGO	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH				250		
				PULAPOL AIR HITAM	SELATAN				150		
				PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH				250		
PULAPOL KOTA KINABALU				SABAH	150						
22 OGO - 26 OGO	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150								
SEPTEMBER	03 SEP - 08 SEP	SIRI 14	PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150	1,150	2,050				
			MAKTAB TEKNIK PDRM	SELATAN	200						
			04 SEP - 09 SEP	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH				250		
	PULAPOL BUKIT SENTOSA			TENGAH	250						
	PULAPOL KOTA KINABALU			SABAH	150						
	PULAPOL KUCHING			SARAWAK	150						
	12 SEP - 16 SEP										
	17 SEP - 22 SEP		SIRI 15	PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR			150	900		
				MAKTAB TEKNIK PDRM	SELATAN			200			
				18 SEP - 23 SEP	PULAPOL KUALA LUMPUR			TENGAH		250	

			PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150				
	26 SEP - 30 SEP		PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150				
OKTOBER	01 OKT - 06 OKT	SIRI 16	PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150	1,250	2,400		
			MAKTAB TEKNIK PDRM	SELATAN	200				
	02 OKT - 07 OKT		PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	250				
			PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150				
	03 OKT - 07 OKT		PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150				
	15 OKT - 20 OKT		PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150				
			MAKTAB TEKNIK PDRM	SELATAN	200				
	16 OKT - 21 OKT		SIRI 17	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	250	1150		
				PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150			
				17 OKT - 21 OKT	PULAPOL KUCHING	SARAWAK			150
				22 OKT - 27 OKT	MAKTAB TEKNIK PDRM	SELATAN			200
				23 OKT - 28 OKT	PLPGA, ULU KINTA	UTARA			150
				30 OKT - 04 NOV	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH			250
	NOVEMBER			05 NOV - 10 NOV	SIRI 18	PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150	1,000
06 NOV - 11 NOV		PULAPOL KOTA KINABALU		SABAH		150			
		PLPGA, ULU KINTA		UTARA		150			
07 NOV - 11 NOV		PULAPOL KUCHING		SARAWAK		150			
12 NOV - 17 NOV		PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI		TIMUR		150			
13 NOV - 18 NOV		PULAPOL KUALA LUMPUR		TENGAH	250				
20 NOV - 25 NOV		SIRI 19		PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	700		
				PLPGA, ULU KINTA	UTARA	150			
			21 NOV - 25 NOV	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150			
27 NOV - 02 DIS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	250						
DISEMBER	03 DIS - 08 DIS	SIRI 20	PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150	300	850		
	05 DIS - 09 DIS		PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150				
	11 DIS - 16 DIS	SIRI 21	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	250	550			
	17 DIS - 22 DIS		PSP UNIT 6 WAKAF TAPAI	TIMUR	150				
	19 DIS - 23 DIS		PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150				
						JUMLAH	11,150		